



AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH (kanan), Menteri Kesihatan, **Datuk Seri Dr. S. Subramaniam** (kiri) dan **Mohd. Irwan Serigar Abdullah** melancarkan Pusat Keusahawanan ASEAN (ACE) sempena 1AES 2015 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



BEBERAPA pengunjung membuat pertanyaan di Pusat Keusahawanan ASEAN (ACE), MaGIC yang dilancarkan sempena 1AES baru-baru ini.

ACE mudahkan usahawan *startup* ASEAN mulakan perniagaan



Oleh **NORILA DAUD**

PUSAT Keusahawanan ASEAN (ACE) yang terletak di Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) adalah sebuah platform untuk membolehkan usahawan *startup* mendapatkan bantuan perkhidmatan sokongan seperti bimbingan dan nasihat sebelum memulakan perniagaan.

ACE juga berperanan untuk membolehkan komuniti usahawan *startup* ASEAN bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi memudahkan sesebuah perniagaan dibuka dan beroperasi.

Dilancarkan oleh Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah sempena Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Keusahawanan 1ASEAN (1AES)

di Kuala Lumpur baru-baru ini, penubuhan ACE dilihat sebagai satu langkah positif dalam usaha menggalakkan usahawan ASEAN meneroka peluang-peluang perniagaan yang ada di rantau ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Cheryl Yeoh berkata, ACE menawarkan gabungan perkhidmatan yang sedia ada seperti penggabungan syarikat, permohonan visa, mendapatkan status Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk usahawan *startup*, percukaian dan perakaunan, kemudahan bank, bantuan perundingan dan perlindungan harta intelek (IP) yang semuanya dikendalikan di bawah satu bumbung atau sehati.

Cheryl berkata, dengan bantuan ACE banyak urusan boleh diselesaikan dalam tempoh yang singkat

seperti membuka akaun bank dan mendapatkan rakan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) selain kadar bayaran perkhidmatan seperti perundangan yang lebih murah berbanding di tempat-tempat lain.

Menurut Cheryl, selain menghubungkan usahawan *startup* Malaysia dengan negara-negara anggota ASEAN, perkhidmatan yang sama juga ditawarkan kepada mereka di negara luar menerusi rakan-rakan ACE. Bagaimanapun, tempoh yang ditetapkan dan jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan adalah berbeza-beza bergantung pada dasar-dasar tempatan dan tadbir urus di sesebuah negara ASEAN itu.

Antara rakan-rakan ACE di ASEAN termasuk Hub, IT (Vietnam); A Space (Filipina); C ASEAN (Thailand); Tru-Synergy (Brunei); GEPI (Indonesia); The HUB Singapore (Singapura); coLAB (Kemboja); Phandeeyar (Myanmar) dan Toh-Lao (Laos).

"Antara objektif ACE ialah untuk



ACE juga berperanan untuk membolehkan komuniti usahawan *startup* ASEAN bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi memudahkan sesebuah perniagaan dibuka dan beroperasi."

CHERYL YEOH
Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC

membangunkan ekosistem usahawan *startup* ASEAN yang kukuh selaras dengan peranan MaGIC untuk mengembangkan program-program yang meliputi ASEAN dan membangunkan *startup* serantau. Kami bekerja keras untuk mewujudkan usahawan *Startup* Komuniti ASEAN, membuka peluang untuk mereka menjalin perhubungan dan mem-

punyai semangat serantau, akses kepada sumber-sumber serantau dan bertukar-tukar pengetahuan dengan rakan seangkatan di negara-negara lain," katanya.

Sementara itu Pengarah ACE, Yusnee Rahmat berkata, setakat ini pihaknya mengadakan kerjasama dengan pihak swasta antaranya Brunei Economic Development Board

(BEDB) dan Infocomm Development Authority di Singapura.

"Kerjasama kerajaan dengan kerajaan akan dilaksanakan pada tahun depan. Ini berikutan daripada bantuan kerajaan kepada usahawan *startup* adalah berbeza dalam kalangan negara anggota ASEAN," ujarnya.

Beliau berkata, konsep ACE akan diperkenalkan kepada buah lima negara anggota ASEAN iaitu Thailand, Filipina, Vietnam, Singapura dan Indonesia pada suku pertama tahun 2016 manakala pada tahun 2017 akan dikembangkan ke Jepun dan Australia.

"Konsep ACE perlu diperluaskan ke negara-negara luar berikutan daripada penyertaan lebih daripada 50 buah syarikat besar dunia dalam Program *Accelerator* MaGIC baru-baru ini. Sebanyak 15,000 peserta termasuk dari luar negara mendaftar diri dengan 1AES, sekali gus membuktikan perlunya konsep ACE diperkenalkan di luar negara," ujarnya.



YUSNEE RAHMAT